

# Dasar kerajaan wujud nelayan berdaya saing

Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) akan bekerjasama dengan Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT) dan TEKUN dalam usaha memeringi orang tengah seperti dilaporkan dalam dasar pelaksanaan jihad memerangi orang tengah dalam sub sektor perikanan di Wisma LKIM, Puchong, kelmarin.

Pelbagai usaha telah dilakukan dalam perkara itu antaranya pemberian modal pusingan tanpa faedah RM5,000, projek ikan sangkar, perniagaan akuakultur, ikan hiasan dan pelbagai lagi.

Kerajaan sangat berharap pembabitan orang muda dalam membangunkan sektor pertanian dan perikanan melalui pembiayaan yang disediakan TEKUN.

## Manfaat Pasar Nelayan

Maklum balas daripada masyarakat amat penting supaya Pasar Nelayan dapat dimanfaatkan oleh nelayan sendiri tanpa perlu ada orang tengah. Setakat ini Pasar Nelayan ada 49 buah dan bakal ditambah lagi.

Kita sedia maklum, contohnya, seperti urusan pembelian tanah membabitkan broker, sektor

pertanian ada peraih dan sektor pembinaan menyebabkan pihak yang mula-mula menjual kerugian berikutan harga yang ditawarkan lebih murah daripada harga 'orang tengah'.

Dalam gagasan 1Malaysia, selain aspek keadilan sosial dan aspek kenegaraan, aspek penerimaan adalah aras utama untuk melihat bagaimana rakyat menyambut baik usaha yang kerajaan lakukan.

Pelbagai transformasi dan usaha murni dilakukan seperti mewujudkan kompleks pendaratan sejurus nelayan mendapatkan

hasil laut mereka, pelantikan LKIM sebagai badan pantau yang akan menyelia setiap aktiviti jual beli ikan nelayan.

## Jana pendapatan nelayan

Pembangunan Pasar Nelayan diharap dapat menjana nelayan berdaya saing dan memberikan peluang kepada keluarga nelayan sendiri sejajar matlamat menuju Negara Pertanian Moden.

**Muhammad Hasif Idris**

Universiti Sains Islam  
Malaysia